

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, June 26, 2019 11:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lambaian Baitullah – Memburu Keredaan, Keampunan Allah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 JUN 2019 / 22 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

LAMBAIAN BAITULLAH – MEMBURU KEREDAAN, KEAMPUNAN ALLAH



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkongsi kegembiraan dan kesyukuran bersama bakal tetamu Allah yang akan berangkat ke Tanah Suci bagi menunaikan ibadah haji musim 1440 Hijrah.

Firman Allah SWT:

"Hai manusia sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang laki-laki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi mengenali".

Surah Al-Hujurat, ayat 13

Jelasnya, pemergian ini bukanlah untuk melancong ke kota suci Mekah dan Madinah, tetapi sebagai tetamu Allah yang mengidamkan haji mabrur.

"Tidak ada perkara lain yang perlu diutamakan apabila menerima lambaian Baitullah ini melainkan untuk memburu keredaan dan keampunan Allah, mudah-mudahan anda semua akan dikurniakan dengan haji yang mabrur.

“Bersyukurlah kepada Allah dengan mengerjakan ibadah sesungguhnya, bukan pangkat haji atau hajjah yang diinginkan tetapi yang lebih penting ibadah kita diterima Allah serta mengubah mereka menjadi insan yang lebih baik daripada sebelumnya.

“Lupakan dulu urusan dunia, tutup *handphone* seketika untuk tumpukan kepada usaha dalam memastikan peluang menjadi tetamu Allah tidak sia-sia ketika berjuta-juta umat Islam mengimpikan ‘jemputan’ menunaikan rukun Islam kelima tersebut,” ucapnya.

Begitu juga ketika melaksanakan rukun-rukun wajib haji, tidak ada pengecualian sama ada jemaah haji itu seorang petani, tokoh korporat, ahli politik, naib canselor atau orang kampung mereka melaksanakan bersama-sama dengan pakaian ihram yang menjadi lambang persamaan antara mereka.

“Sememangnya untuk mengerjakan ibadah haji ini memerlukan keimanan, kesabaran dan pengorbanan yang tinggi kerana ibadah haji merupakan kemuncak kepada pengabdian diri seorang hamba kepada Penciptanya.

“Tambahan pula haji kali ini merupakan tahun yang amat panas sehingga suhu mencecah 50 darjah jadi buat pemeriksaan kesihatan dan bawa ubat-ubatan untuk keperluan di sana nanti, sentiasa bersangka baik dengan Allah dan reda,” pesannya.

Beliau merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Pendaftar, urusetia yang menganjurkan majlis yang menjadi acara tradisi tahunan yang diadakan khusus bagi meraikan bakal jemaah haji dari kalangan staf UUM.

“Penganjuran seumpama ini amat istimewa sebagai tanda keprihatinan pihak pengurusan universiti terhadap pencapaian warga UUM sama ada dalam konteks kecemerlangan perkhidmatan mahu pun kejayaan peribadi yang cukup istimewa dan besar maknanya.

“Majlis ini juga sebagai sebahagian manifestasi budaya penyayang dalam erti kata yang sebenarnya dalam ekosistem UUM baik dalam konteks sifat penyayang sesama insan dan juga kasih sayang kita terhadap makhluk Allah yang lain,” luahnya.

Kegembiraan ini turut dikongsi oleh Dr. Ani Munirah Mohamad, pensyarah kanan di Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) yang bersyukur ke hadrat Ilahi kerana terpilih menjadi tetamu Allah dan peluang keemasan itu akan dimanfaatkan dengan mengerjakan ibadah sebaik-baiknya.

Ani yang juga seorang felo penyelidik di Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA) dan felo bersekutu di Pusat Penyelidikan Undang-undang dan Keadilan (LJRC) akan menunaikan haji bersama-sama suaminya, Dr. Mohd Zakhiri Md Nor yang juga pensyarah kanan di SOL.

Mengulas lanjut, beliau telah mengikuti beberapa siri kursus haji yang disediakan oleh pihak Tabung Haji, antaranya Kursus Asas Haji setiap minggu selama 17 minggu, Kursus Intensif Haji selama dua hari, dan Kursus Perdana Haji selama dua hari satu malam sebagai persediaan menunaikan haji.

“Bagi rakan-rakan yang berhasrat untuk menunaikan haji, bolehlah mendaftar dengan pihak Tabung Haji secepat mungkin, supaya mendapat giliran tahun untuk menunaikan haji.

“Bagi yang sudah mendaftar, tuntutlah ilmu menerusi kursus yang disediakan oleh pihak Tabung Haji dan sumber otoritatif seperti buku, media sosial dan video di internet,” pesannya yang bakal berangkat ke tanah suci 20 Julai nanti.

Beliau terharu dan berterima kasih kepada UUM yang memudahkan urusan permohonan cuti haji serta mengadakan majlis ini bersama Naib Canselor dan wakil pengurusan universiti yang disifatkan sebagai sesi pertemuan yang cukup istimewa.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.